



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN YACOB BIN TUAN ISMAIL  
TUKANG KARUT

OLEH:

NURDIANA FARIHA BINTI 'AINUDDIN      2020496438

SITI NUR RAMADAN BINTI MOHD SAHIM      2020456042

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2022-FEB 2023)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN YACOB BIN TUAN ISMAIL  
TUKANG KARUT**

**OLEH:**

**NURDIANA FARIHA BINTI 'AINUDDIN      2020496438**

**SITI NUR RAMADAN BINTI MOHD  
SAHIM    2020456042**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 - PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2022- FEB 2023)**

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-NYA dapat kami menyempurnakan tugas bagi subjek IMR604 ini dengan jayanya. Dengan kesempatan yang ada ini kami amat berbesar hati untuk menghadiahkan jutaan terima kasih kepada Puan Nurulannisa Abdullah, selaku pensyarah kami kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada kami untuk melaksanakan tugas yang diberikan dan tidak putus-putus memberi tunjuk ajar kepada kami dalam usaha membantu menyempurnakan tugas ini.

Selain itu, kami turut berterima kasih kepada Encik Tuan Yacob Bin Tuan Ismail kerana telah meluangkan masa dan memberi kerjasama yang sangat baik sepanjang temubual kami bersama beliau dan banyak berkongsi pengalaman beliau bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan jayanya. Malah kami merasa bertuah kerana bertemu dengan tokoh yang peramah dan mudah didekati.

Kami juga ingin berterima kasih kepada kedua ibu bapa dan ahli keluarga kami yang telah memberi motivasi kepada kami untuk bekerja lebih gigih dan tidak berputus asa serta memberikan sokongan moral kepada kami untuk menyiapkan tugas ini.

Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan yang lain atas sokongan dan pandangan secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang proses proposal ini selesai. Segala bantuan yang telah mereka hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan mereka semua tugas ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Sekian, terima kasih.

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

### *Abstrak*

*Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang mencintai seni dikir barat, bernama Tuan Yacob Bin Tuan Ismail atau gelarannya, Tuan Kob Raja Saring. Bagi sesetengah masyarakat, mereka hanya mengetahui Dikir Barat sebagai persembahan kebudayaan. Namun begitu, dikir barat sebenarnya adalah suatu peristiwa komunikasi. Peristiwa komunikasi adalah kegiatan bahasa yang melibatkan latar, peserta, matlamat, urutan tindakan, nada, saluran, norma dan genre. Selain menyentuh sebanyak mengenai latar belakang salah seorang yang masih mewarisi kesenian ini, projek sejarah lisan ini akan cuba memberikan perhatian secara menyeluruh tentang apa itu dikir barat, bermula dari jenis - jenis dikir barat, tarian, lagu yang dinyanyi dan sebagai. Kajian ini bukan sahaja melalui Encik Tuan Kob sendiri, malah ia turut diperolehi daripada beberapa sumber yang lain bagi melihat sejauh mana persamaan dan perbezaan kajian yang telah dilakukan. Inspirasi kajian ini adalah terutamanya kepada pengkaji, pelajar dan orang awam. Melalui projek sejarah lisan ini, diharapkan masyarakat luar terutamanya generasi pada masa sekarang akan mengenali dengan lebih lanjut dan mendalami seni dikir barat ini.*

*Kata kunci: Seni, Dikir, Tradisional, Lagu , Persembahan*

## SENARAI ABREVIASI

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
NGO	Non-governmental organizations
OKU	Orang kelainan upaya
PhD	Doctor of Philosophy
RTM	Rancangan Televisyen Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
UMK	Universiti Malaysia Kelantan
UiTM	Universiti Teknologi Malaysia
YB	Yang terhormat

## SENARAI SINGKATAN

- TKRS : Tuan Kob Raja Saring  
SNR : Siti Nur Ramadan  
NdF : Nurdiana Fariha



## RUJUKAN KATA

Ado	Ada
Ame	Aman
Amik	Ambil
Ataih	Atas
Bakpe	Sebab apa
Bananok	Rebana ubi anak
Banibu	Rebana ubi ibu
Belako	Semua
Berapo	Berapa
Beres	Baik
Berjuara	Berdikir
Berkoca	Berselerak
Berlawok	Tipu
Bersina	Bersinar
Betui	Betul
Bilo	Parut dirotan
Buah rambai	Marakas
Bubuh	Letak
Bule	Bulan
Bulih	Boleh
Cane	Canang
Ciplak	Tiruan
Comei	Comel
Dale	Lawan

Demo	Kamu
Denge	Dengan
Diaore	Diorang
Dio	Dia
Displin	Disiplin
Dok	Tak
Duriye	Durian
Gapo	Apa
Gelare	Gelaran
Genak	Cukup
Gi	Pergi
Gini	Begini
Hadepey	Hadapan
Hambat	Kejar
Hantor	Hantar
Hinduste	Hindustan
Hok	Yang
Jange	Jangan
Jate	Anak lelaki
Jeh	Jam
Johe	Johan
Jugok	Juga
Jumpo	Menyertai
Kade-kade	Kadang-kadang
Kaha	Buat
Kato	Kata

Kelate	Kelantan
Kepahame	Kefahaman
Keputuse	Keputusan
Kese	Kesi
Keturune	Keturunan
Kiro	Kira
Kito	Kita
Kumpule	Kumpulan
Kure	Kurang
Lagu mano	Macam mana
Lagutu	Seperti itu
Lamo	Lama
Lawey	Lawan
Lekung	Ketuk
Letok	Letak
Mace	Macam
Mahe	Mahal
Makey	Makan
Mala	Malas
Male	Malas
Mano	Mana
Mante	Mantan
Mase	Masa
Mokcik	Makcik
Molek	Kemas
Mu	Kamu

Nampok	Nampak
Nok	Nak
Nok	Nak
Nombot	Nombor
Nyohor	Sombong
Ore	Orang
Pade	Padang
Pahtu	Kemudian
Palue	Paluan
Panggei	Panggil
Panje	Panjang
Pasal	Sebab / mengenai
Pasuke	Pasukan
Pehe	Faham
Pembaye	Pembayang
Pendidike	Pendidikan
Persembahe	Persembahan
Pertandinge	Pertandingan
Pete	Petang
Pumping	Tekan tubi
Pusinge	Pusingan
Rancok	Rancak
Reng	Tenaga
Royak	Beritahu
Sa	Satu
Samo	Sama

Sampe	Sampai
Sapo-sapo	Siapa
Satni	Tadi
Serupo	Sama
Seto	Manggis
Siye	Siam
Sohor	Terkenal
Sokmo	Selalu
suko-suko	Suka-suka
Sunggoh	Sungguh
Takdop	Tak ada
Takpo	Tidak mengapa
Target	Capai
Tengoh	Tengah
Terer	Bijak
Toksey	Tidak mahu
Tubik	Keluar
Tukor	Tukar
Tumpe	Tumpang
Uni	Universiti

# ISI KANDUNGAN

## ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	iv
Isi kandungan .....	xv
Abstrak .....	vi
Biodata tokoh .....	xviii
Pengenalan .....	2
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh .....	4
Bahagian 2: Pendidikan Awal .....	10
Bahagian 3: Tukang Karut.....	12
Bahagian 4: Dikir Barat.....	15
Bahagian 5: Pencapaian.....	29
Bahagian 6: Cabaran.....	31
Bahagian 7: Sumbangan.....	32
Bahagian 8: Harapan.....	33
Lampiran	
Log wawancara .....	39
Diari kajian .....	46
Senarai soalan .....	47
Surat perjanjian .....	53
Gambar .....	54
Sijil penghargaan .....	55
Indeks .....	58

## BIODATA PENEMUBUAL



Nama: Nurdiana Fariha Binti 'Ainuddin  
Tarikh lahir: 13.08.1998  
Tempat lahir: Hospital Pakar Johor  
Alamat: 11027, Lorong Perkasa, Jalan Parit Semerah, 82000 Pontian,  
Johor  
No telefon: 019-7574280  
Emel: dianafariha8@gmail.com  
Program: IM245 (Fakulti Pengurusan Maklumat)



Nama: Siti Nur Ramadan binti Mohd Sahim  
Tarikh lahir: 12.2.2000  
Tempat lahir: Hospital Langkawi, Langkawi  
Alamat: Lot 565, Kampung Bukit Hantu, Mukim Ulu Melaka, 07000  
Langkawi, Kedah,  
No. telefon: 011-6499141  
Emel: sitinurramadan00@gmail.com  
Program: IM245 (Fakulti Pengurusan Maklumat)



# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



Nama: Tuan Yacob bin Tuan Ismail  
Nama samaran: Tuan Kob Raja Saring  
Tarikh lahir: 10.4.1956  
Tempat lahir: Kampung Pintu Pupuh, Saring, Pasir Puteh  
Alamat: Kampung Dalam Pupuh, Saring, Pasir Puteh  
No. telefon: 013-9555050  
Emel: -  
Profession: Tukang Karut  
Bidang: Dikir Barat

# **PENGENALAN**

## PENGENALAN

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka mentakrifkan seni adalah karya yang diciptakan dengan bakat, iaitu hasil ciptaan halus dan karya seni yang mempunyai nilai keindahan budaya pula adalah kemajuan minda, akal budi iaitu cara berfikir, berkelakuan dan sebagainya (Kamus Dewan 2005). Oleh itu dapat disimpulkan budaya adalah cara hidup yang diamalkan oleh kumpulan masyarakat tertentu dan merangkumi sistem sosial, struktur organisasi ekonomi, politik, agama, kepercayaan, adat istiadat, sikap dan nilai. Dikir barat adalah salah satu contoh yang merujuk kepada seni dan budaya.

Dikir barat adalah sebuah permainan tradisional atau lebih dikenali sebagai muzik tradisional dalam kalangan masyarakat. Dikir barat sebenarnya berasal daripada barat Thailand yang dibawa ke Kelantan dalam tahun 1940-an. Dikir barat ini dibawa oleh seorang rakyat negeri Kelantan sendiri yang dikenali sebagai Haji Mat Leh. Nama asal dikir barat ini ialah “dikir hulu”, namun nama tersebut agak tidak bersesuaian pada ketika itu, lalu dinamakan “dikir barat”, dan nama tersebut kekal sehingga kini. Dikir barat ini menjadi seni warisan penduduk negeri Kelantan dan dipopularkan ke serata negeri. Sehingga kini, permainan Dikir Barat masih menjadi suatu teater tradisional yang paling digemari oleh masyarakat Melayu di Kelantan. Dalam kata lain, permainan ini lebih popular sebagai muzik rakyat. Di dalam persembahan dikir barat terdapat satu kumpulan yang diketuai oleh seorang tukang karut dan tok juara. Mereka akan mengarut sambil berbalas pantun dan diikuti oleh awok-awok (kumpulan) sebagai suara latar yang kuat dan lantang sambil dimainkan alat-alat muzik tradisional. Persembahan dikir barat ini biasanya di majlis-majlis kemasyarakatan seperti majlis perkahwinan, majlis perasmian dan majlis berkhatan. Di samping itu, pertandingan dikir barat ini juga sering diadakan oleh persatuan-persatuan belia tempatan dan jabatan-jabatan kerajaan. Pertandingan dikir barat ini boleh disertai dan dianjurkan kepada pelbagai jenis peringkat umur dari kalangan kanak-kanak, belia dan dewasa.

# TRANSKRIP

## TRANSKRIP

Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang kesenian (Tukang karut). Bersama-sama kami ialah Tuan Yacob Tuan Ismail yang merupakan seorang tukang karut. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 7 Januari 2023 bersamaan dengan hari Sabtu di kediaman beliau, Kampung Dalam Pupuh, Saring Pasir Puteh. Temubual ini dikendalikan oleh Siti Nur Ramadan Binti Mohd Sahim dan Nurdiana Fariha Binti ‘Ainuddin. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

TKRS = Tuan Kob Raja Saring

NdF = Nurdiana Fariha

SNR = Siti Nur Ramadan

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

TKRS : Dikir barat asalnya daripada barat, barat Thailand. Iaitu barat utara selatan. Kerana itu ia dipanggil dikir barat. Orang yang mula-mula buat [membawa] balik dikir barat ke Kelantan ataupun ke Malaysia ialah Haji Mat Leh yang berasal daripada Kampung Tapai, Kota Bharu lebih kurang tahun sembilan belas empat puluh [1940] an. Apabila Mat Leh Tapai bawak [bawa] balik tu dinamakan dikir hulu. Kemudian tidak sesuai dengan panggilan dikir hulu. Lalulah dinamakan dikir barat kekal sampai sekarang ini. ‘Broomm’ (bunyi motosikal) anak koloh (sekolah) mari belajar. (Perbualan ayah Kob dengan rakan sekampung).

Kemudian sampai la sekarang kekal dikir barat. *Okay* (baiklah) beres (baik). Barulah sampai ke ayah Kob. Tak kata ke orang lain. Nama asal ayah Kob, Tuan Yacob bin Ismail. Nama asli la (ketawa). Tuan Yacob Y.A.C.O.B. Tuan Yacob bin Tuan Ismail.

SNR : Nama Tuan, adakah ia berketurunan ?

- TKRS : Ya, keturunan. Bukan tuan tu pangkat. Keturunan asli. Nama berpangkat tu lain macam inspektor polis tu tuan. Tu pangkat ha ni nama keturunan nama asli daripada atuk nenek dulu la. Darah keturune [keturunan] raja. Bukan nak nyohor [sombong] tu.
- SNR : Nama asli adakah mempunyai keturunan raja ?
- TKRS : Ya, berketurunan raja. Tapi kena tulis jugok [juga] keturune [keturunan] raja jembal sebab kadang-kadang tu pensyarah atau naib cancellor tanya keturunan raja mana ni. Ha. Tapi ayah Kob toksey [tidak mahu] royak [beritahu] la berasal daripada mana tu. Setakat tu cukup. Dah panjang cerita tu nak boleh ke satu helai kertas tu genak [cukup]. Ha boleh la tu cukup tu.
- SNR : Bolehkah ayah Kob menceritakan latar belakang ayah Kob ?
- TKRS : Pada tahun sembilan belas lapan puluh lima [1985], bermula ayah Kob berdirik barat di dalam kampung Dalam Pupuh Saring, Pasir Puteh, Kelantan.
- SNR : Adakah ini nama kampung ayah Kob yang sekarang juga ?
- TKRS : Kampung asal. Tempat asal ayah Kob lahir la kampung Dalam Pupuh tu. Tapi kena bubuh [letak] Saring sebab dekat luar tu Saring. Maknanya mukim Saring. Jangan bubuh [letak] daerah, toksey [tidak mahu] la tu. Daerah Pasir Puteh. Kampung Dalam pupuh, Saring, Pasir Puteh, Kelantan. Jadi bermula situlah sebenarnya cerita, ayah Kob bukan target [capai] nak dikir barat sebenarnya, hanya budak-budak belia nak belajar masa tu.
- SNR : Umur berapakah ayah Kob mula belajar dikir barat ?
- TKRS : Dalam umur tiga puluh [30] tahun.

SNR : Siapakah guru yang mengajar ayah Kob dikir barat ?

TKRS : Tok guru ayah Kob, yang pertama Abe Hamid Budaya ,(bunyi burung). Guru yang kedua arwah Arifin Ana. (bunyi burung). Tahun sembilan puluh [90] an kenal belaka [semua] la . Arwah Arifin Ana meliputi seluruh Malaysia pas [sampai] ke Thailand pas [sampai] ke Amerika. Ariffin Ana dikenali di Singapura, Brunei, Thailand, Indonesia, Amerika [bunyi burung]. Sabah Sarawak ayah Kob toksey [tidak mahu] mala [malas] naik kapal terbang, takut (bunyi burung). Nama gelaran ayah Kob tuan kob raja Saring tu, arwah Ariffin Ana la yang memberi gelaran ini. Sebab dia kata ‘mu [kamu] ni raja, raja dah tuan kob (bunyi burung) mu [kamu] duduk Kampung Dalam Pupuh Saring. Kita bubuh [letak] nama Saring la, raja Saring’. Jadilah gelaran Tuan Kob Raja Saring.

SNR : Berapakah umur ayah Kob sekarang ?

TKRS : Ayah Kob lahir sepuluh hari bulan empat lima puluh enam [10/4/1956]. Jadi bermakna sepuluh hari bulan empat sembilan belas lima puluh enam [10/4/1956], sepuluh hari bulan empat tahun dua puluh dua puluh tiga [10/4/2023] ni gak (perkataan dialek Kelantan), cukup la enam puluh tujuh [67] tahun .

NdF : Dimanakah tempat lahir ayah Kob ?

TKRS : Kampung Pintu Pupuh, Saring, Pasir Puteh, Kelantan.

SNR : Berapa lamakah orang mengenali ayah Kob sebagai raja Saring ?

TKRS : Bermula tahun sembilan belas sembilan puluh empat [1994] an. Dalam dua puluh sembilan [29] tahun.



SNR : Ayah Kob dilahirkan di kampung ini, jadi ayah Kob juga dibesarkan di kampung ini ?

TKRS : Kampung ini.

SNR : Sebelum ayah Kob belajar dikir barat, apakah pekerjaan ayah Kob?

TKRS : Sebenarnya ayah Kob bekerja di Pejabat Perhutanan Negeri Kelantan.

SNR : Selepas ayah Kob menceburi bidang dikir barat, adakah ayah Kob berhenti kerja ?

TKRS : Tak, ayah Kob masih bekerja. ( bunyi enjin motosikal)

SNR : Adakah ayah Kob menjadikan aktiviti dikir barat sebagai aktiviti sampingan ?

TKRS : Ha belajar la, sampingannya dikir barat la.

SNR : Bolehkah ayah Kob menceritakan berkenaan ibu bapa ayah Kob ?

TKRS : Boleh. Nama ayah Tuan Ismail bin Tuan Pandak. P.A.N.D.A.K. nama ibu Tuan Yam binti Tuan Senik.

SNR : Adakah ibu bapa ayah Kob keduanya berketurunan tuan ?

TKRS : Ya.

SNR : Dimanakah asal ibu bapa ayah Kob ?

TKRS : Ayah berasal daripada sini, Kampung Dalam Pintu Pupuh. Ibu berasal daripada Selising, Machang.

SNR : Kiranya selepas ayah ibu ayah Kob berkahwin tu, di orang memang duduk di kampung ini kah ?

TKRS : Ha tinggal sini la.

SNR : Ibu bapa ayah Kob masih ada kah ?

TKRS : Ada. Ayah dah meninggal lebih kurang dua puluh sembilan [29] tahun.

SNR : Berapakah umur ibu ayah Kob sekarang ?

TKRS : Lebih kurang lapan puluh lima [85] tahun.

SNR : Berapakah bilangan adik-beradik ayah Kob ?

TKRS : Sepuluh [10].

SNR : Ayah Kob anak ke berapakah ?

TKRS : Anak ke lima [5].

SNR : Semua ahli keluarga ayah Kob berada di kampung kah ?

TKRS : Ada bekerja di kampung, ada bekerja di negeri-negeri lain.

SNR : Dalam kalangan adik-beradik ayah Kob, berapa ramai kah yang menyertai bidang dikir barat ini ?

TKRS : Ha tak dak. Ayah Kob seorang sahaja.

SNR : Bolehkah ayah Kob bercerita berkenaan isteri ayah Kob ?

TKRS : Boleh, Siti Aisyah binti Yusof.

SNR : Dimanakah isteri ayah Kob berasal ?

TKRS : Kampung Saring.

DnF : Sudah berapa lamakah ayah Kob mendirikan rumah tangga ?

TKRS : Bulan sembilan [9], tahun tujuh puluh tiga [1973]

DnF : Berapakah bilangan anak-anak ayah Kob ?

TKRS : Tujuh [7].

SNR : Berapakah anak ayah Kob yang sudah berkahwin ?

TKRS : Tujuh [7] tu, perempuan dua [2], lelaki lima [5]. Semua dah berkahwin.

SNR : Berapakah bilangan cucu ayah Kob ?

TKRS : Tiga puluh [30], cicit dua [2].

- SNR : Berapakah anak ayah Kob yang tinggal bersama ayah Kob
- TKRS : Tak dak la, semua pindah dah. Ayah Kob dengan mokcik [makcik] ni ja tinggal rumah ni.
- SNR : Berapa ramai kah anak ayah Kob yang menyertai bidang dikir barat bersama ayah Kob ?
- TKRS : Ada. Empat [4] orang, lelaki semua la tu, perempuan tak, di orang jate (anak lelaki) empat [4] orang.

### **TAMAT BAHAGIAN 1**

### **BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN AWAL**

- NdF : Boleh saya tanya tentang pendidikan awal ayah Kob ?
- TKRS : Boleh tapi gak [perkataan dialek Kelantan] pendidikan ni ayah Kob mula-mula Sekolah Kampung Raja Naik kepada Sekolah Kebangsaan Kampung Raja Pasir Puteh. Dia kena bubuh [letak] yang tu dalam Kampung Raja sa [satu] lagi lanjutkan kepada Sekolah Menengah Jurusan Aneka. Kemudian diubah nama pada tahun tujuh puluh dua [1972], dia ubah nama Sekolah Menengah Tok Janggut, (bunyi burung) Pasir Puteh. Setakat tu ja, tak gi [pergi] dah, setakat tu pun tak lulus dah tu.
- NdF : Apakah mata pelajaran yang disukai ayah Kob ?

- TKRS : Matematik. Ha terer [bijak] tu, A.A.K [angka giliran kecil] tu, angka giliran kecil. Dulu yang mengajar masa tu ha guru ayah Kos, Subramaniam.
- NdF : Adakah ayah Kob aktif bersukan ketika berada di alam persekolahan ?
- TKRS : Bola sepak, acara lari padang trek ni, macam empat kali empat [4x4 meter ], empat kali seratus [4x100 meter].
- NdF : Jadi antara itu ada tak yang menjadi sukan kegemaran ayah Kob?
- TKRS : Ya, bola sepak la
- SNR : Adakah ayah Kob pernah menyertai pertandingan kesenian seperti dikir barat ini di sekolah ?
- TKRS : Tak pernah.
- SNR : Apakah kenangan yang ayah Kob tidak dapat dilupakan di zaman persekolahan dahulu ?
- TKRS : Kena hambat [kejar] dengan cikgu. Bukan berat mana pun, malas ponteng, ermm lompat pagar (Ramadan dan Diana ketawa) masa dulu cikgu dok ketuk kepala pegang pusat gitu jah.. Lekung [ketuk] tu gak pegang pusat pulas ke atas, pumping [tekan tubi] tengah padang, suka tengok, hok [yang] tu la kenangan suka deh [perkataan dialek Kelantan].

## TAMAT BAHAGIAN 2

### BAHAGIAN 3: TUKANG KARUT

SNR : Sebelum ayah Kob menyertai dikir barat, adakah ayah Kob pernah terfikir untuk menyertai dikir barat tu waktu mula-mula bekerja di Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan ?

TKRS : Tak terfikir ha sebabnya, dikir barat ni kerana belia-belia pemuda-pemuda kampung ni ja minta tolong ayah Kob tubuhkan (bunyi burung) dikir barat ha. *Time* (masa) tu ayah Kob kerja la tu tahun lapan puluh lima [1985] ha.

SNR : Pada awal kemasukan ayah Kob dalam dikir barat, adakah ayah Kob terus menjadi tukang karut?

TKRS : Tukang karut

SNR : Adakah ayah Kob juga belajar semua asas dikir barat?

TKRS : Belajar . Sebenarnya dalam satu *team* [pasukan] atau satu kumpulan, meliputi ayah Kob boleh buat. Asalkan bunyi untuk dikir barat samada dari segi tukang karut, tok juara, palu alat muzik samada penyanyi samada kumpulan, semuanya boleh tunjuk ajar la.

SNR : Apakah watak-watak yang terlibat dalam dikir barat ?

TKRS : Mace [macam] watak di panggil (ayah Kob berdesit) komedi, mace [macam] karut komedia tu. Macam lucu-lucu, sketsa, macam penyanyi dikir barat.

- SNR : Sejak bilakah ayah Kob mulai serius dalam bidang dikir barat ini ?
- TKRS : Bermula pada tahun lapan puluh lima [1985], sampai ke tahun sembilan belas sembilan puluh enam [1996] ayah Kob dapat johan peringkat kebangsaan kemudian dapat gelaran anugerah gelaran tukang karut terbaik. Ini bukan kata ayah Kob sengaja nak mengada-mengada bukan, andainya penyelidik kajian, apa ni pakar seni, kalau dia tidak yakin, tengok la dalam program jumpa tengok tahun sembilan puluh enam [1996] mesti ada dalam RTM [Rancangan Televisyen Malaysia] di Kuala Lumpur.
- SNR : Sebelum menyertai dikir barat kebangsaan, adakah ayah Kob banyak menyertai pertandingan dikir barat lain ?
- TKRS : Banyak , setiap pertandingan belia ayah Kob tak pernah kalah. Daerah Pasir Puteh , daerah Machang, daerah dalam Kelantan ni, tak rajin kala (bunyi burung) tokoh ayah Kob ni, tokoh dia gaya tersendiri, tak tiru hok [yang] orang tu, tak tiru hok [yang], orang ni, tak dak . Gaya persembahan ayah Kob tersendiri, (bunyi burung).
- SNR : Setiap persembahan dikir barat, dari segi lagu, muzik, adakah ia ciptaan ayah Kob sendiri ?
- TKRS : Lagu orang lain buat. Yang ciptanya ialah Ajan Kampung Wakaf. A.J.A.N (bunyi burung) Sungai Kelung, Pasir Puteh.
- SNR : Selama ayah Kob mengenal Ajan, sudah berapa lama kah beliau menulis lagu dikir barat ?
- TKRS : Lagu yang ayah Kob nyanyi, lagu dikir barat tu, nyanyi dikir barat ( bunyi burung) sembilan puluh peratus [90% ] dicipta oleh ajan kampung wakaf, sepuluh peratus [10%] ayah Kob ciplak [tiruan] lagu orang (ketawa) misal kata lagu, contoh la Meer

Khan, Fendi Kenali, Di Manja , Sukma Sari dan lain-lain la ayah Kob tak ambil. Ayah Kob ciplak ayah Kob nyanyi lagu arwah Tokman hok [yang] mati kira orang tak tegur dah. Kemudian, ayah Kob juga pernah menjadi tenaga pengajar peringkat belia, daerah, peringkat belia, daerah, negeri, sekolah kebangsaan, sekolah menengah, vokasional, politeknik dan ayah Kob pernah jadi juri dan jugok [juga] ketua juri pertandingan di UPM [Universiti Putra Malaysia], UMK [Universiti Malaysia Kelantan].

SNR : Sebagai juri pertandingan dikir barat, apakah yang diambil kira dan menjadi markah dalam sesebuah pertandingan dikir barat ?

TKRS : Iya , berpandu kepada tema, juri kena nilai, juri kena pehe [faham] tema tu apa matlamat dia, apa hala tuju dia tema tu. Setiap pertandingan berdasarkan tema (bunyi burung) yang diberikan oleh penganjur atau pun penaja.

SNR : Selain daripada tema, apakah akan dinilai lagi di dalam pertandingan ?

TKRS : Dalam persembahan, selain daripada tema, seorang juri dia kena nilai dari segi keserasian, keserasian awak-awok, muzik paluan dan suara awak-awok, awak-awok ni kumpulan la dan juri akan nilai isi tema tu semasa tukang karut buat persembahan, tukang karut akan ulas tema tu. Kumpulan ni hanya turut apa yang tukang karut kata, contoh kata 'kita hidup hari ni kena bersatu', tukang karut kata, awak-awok pun, 'kita hidup hari ni kena bersatu'. Sa [satu] lagi juara, juara juga perlu membuat lagu untuk pertandingan berdasarkan pada tema yang penaja bagi atau pun penganjur bagi.

SNR : Bagaimanakah tukang karut terbaik dinilai ?

TKRS : Nak dapatkan satu gelaran anugerah terbaik tukang karut contoh mace [macam] ayah Kob pernah dapat anugerah gelaran tukang karut terbaik. Ayah Kob kena



bermula daripada ayah Kob mengarut berbuka suara itu sampai la ke akhir ayah Kob buat persembahan tak ada selek. Umpamanya kita gi sekat, kita berhenti, kata orang cacat cela la, pergi dengan apa yang kehendak penaja nak tema. Di dalam pertandingan dikir barat ada lima irama atau pun lima melodi. Pertama karut yengki pendek. Kedua yengki panje [panjang] ketiga karut cepat atau karut Kelate [Kelantan] keempat karut tani, yang kelima penutup wau bule [bulan]. Jadi daripada mula tukang karut membuat persembahan sampai ke akhir tu wau bulan, tak ada cacat cela tu.. Yang orang hok [yang] jawab tu pun tak ada cacat cela.. Muzik pun tiada cacat cela... baru dia boleh dapat gelare [gelaran] anugerah tukang karut yang terbaik.

### **TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: DIKIR BARAT**

- SNR : Adakah dalam satu persembahan dikir barat perlu mempunyai 5 irama ?
- TKRS : Ada sesetengah penaja nak tambahkan lagi irama lagi satu dia panggil karut kreatif, satu lagi karut mante [mantan] M.A.N.T.A.N. mantan ni irama dia bunyi macam contohnya lagu mudah la ayah Kob nak royak [beritahu] 'kaya sungguh negeri Kelate kaya denge seni budaya'. Tu karut mante [mantan]. Atas penaja la. Tak semestinya setiap pertandingan tak kira peringkat kebangsaan ka peringkat daerah ka, peringkat negeri ka belia ka tak semestinya lima.
- SNR : Jika ayah Kob tidak keberatan, bolehkah ayah Kob memberikan atau menyanyikan contoh irama-irama tersebut?

TKRS : Rekod dah satni [tadi]? Kalau yengki pendek tu dia bunyi macam ni. ‘selamat malam saudara’. Kalau yengki panjang ‘selamat malam saudara dan juga saudari’ berirama macam tu. Yang lain semua orang tahu dah karut Kelate [Kelantan] ‘hai kita hidup bersatu baru kita ame [aman]. ‘mat yeh oh mat yeh buat apo tak jual cendol’. kena air dulu... buat air tu ma mu wei.. Tumpe [tumpang] minum air sikit tekok ni (perbualan ayah Kob kepada isteri nya). Yang karut Patani ni ‘awe.. Oh awe.. Buat apa mu bengong’ contohnya ‘awe.. Oh awe.. Buat apa mu tolol’. Orang hok [yang] jawab pun ‘awe oh awe huh buat apa mu tolol’. Pas tu tukang karut hok [yang] main peranannya ‘kalau ore royak bilo-bilo mu kena pehe’. Jangan lari rima. Rima yang penting.. Dalam dikir barat.. Rima nombor satu.’ tahu rima tu apa dia ?’. Tengah dengan hujung. Contoh ‘kita hidup hari ni.. Hendaklah bersatu’. Rima hujung “tu”. Rima tengah “ni”. Hukum dia tu pembaye [pembayang]. ‘Baru hidup harmoni’ dia masuk “ni” tengah tu. ‘baru kita maju’. “ju” tu kita terima. Tu rima nya. Kalau nak draf, rima tengah, rima hujung. Contoh rima tengoh [tengah] mace [macam] ni. Ha demo (kamu) buat la,. Nak kato [kata] pokok kayu, pokok duriye [durian], pokok seto [manggis], pokok langsung.. Ha beri.. “ye” [durian.. An] “sat” [langsar]. Jadi tengah tu nak bubuh [letak] kena bunyi “ye” jugok [juga]. ‘Kito [kita] makey [makan] pagi pete [petang], ha duriye ni sedap’. Tetapi jange [jangan] lari pada tema, kalu [kalau] tema lari.. Takdop [tak ada] jugok [juga]. Contoh tema penaja bagi pendidike [pendidikan]. Penaja bagi ‘male [malam ning [ni] pertandingan berdikir barat pendidike [pendidikan]’. Kito [kita] gi dok ngarut ko [ke] menoreh getah jadi salah la. Kaha [buat] nok kaha [nak buat] berhambat [kejar] ke cikgu. Cikgu rotan ka bilo (bekas kena rotan) ikut demo [kamu] la.

DnF : Daripada segi persembahan ni adakah pakaiannya juga seragam ?

TKRS : Pakaian seragam termasuk tukang karut, tok juara, kumpulan dan paluan.

SNR : Adakah pakaian seragam itu juga perlu mengikut tema ?

TKRS : Dak [tidak], (bunyi burung) pakaian ni kalau boleh nak hok comei [yang elok] la, bersina [bersinar].

SNR : Adakah ayah Kob membuat persembahan untuk majlis-majlis ?

TKRS : Ayah Kob pernah membuat persembaha [persembahan] di hadepey [hadapan] tuanku sultan Kelate [Kelantan], kito te hok [yang] berat-berat lalu hok sungguh tak berlawok [kita beritahu benda yang hebat-hebat, sebab benda betul, bukan tipu], depey [hadapan] sultan Brunei, Hassanal Bolkiah, depey [hadapan] perdana menteri, Mahathir [Tun Dr. Mahathir bin Mohamad], Dato' Najib [Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak], dalam majlis. Pertama disiplin, samada kumpule [kumpulan], tukang karut, tok juara, disiplin [disiplin] paling penting. Dalam kumpule [kumpulan] tu ada tok juara, ada pernah dengar hok [yang] negeri ka, hok [yang] lagu 'rindu rindu', tu tok juara la tu. Arwah pak Nordin pernah dengar ? 'tunggu-tunggu tok kelik', lagu stopa 'demo loni tak supo mulo'. Tu tok juara la tu. Bermula dengan tok juara baru tukang ngarut [tukang karut].

SNR : Adakah pakaian seragam untuk kumpulan dikir barat tersebut mengikut syarat budaya ?

TKRS : Sebenarnya dio [dia] syarat hok [yang] tu takdok, cuma ataih [atas] kita sesore [seorang diri], kita pakai nok [nak] ado tengkolok, nok [nak] pakai selipar mace [macam] ni, bukannya dio [dia] pakso [paksa].

SNR : Dalam pertandingan, adakah keseragaman pakaian akan diambil kira ?

TKRS : Ada, keserasian awok-awok dan muzik. Sekali, termasuk dale [dalam] keserasian. awok-awok dan muzik keserasian ada belako [semua] denge hok [dengan yang] tari pun dia kiro [kira], suara kumpule [kumpulan] pun dia kiro [kira], denge [dengan] percakapan tepat 'demo' [kamu]. jange [jangan] ada sore [seorang] hok

[yang] ‘demo’ [kamu]. Sabit [sebab] tu pengadil atau ketua juri kena nilai, nilai betui-betui [betul-betul] tu ore [orang] hok [yang] buat persembaha [persembahan].

SNR : Bagaimanakah dengan alat muzik yang dimainkan dalam persembahan dikir barat ?

TKRS : Muzik ataih [atas] kebolehan masing-masing. Mace [macam] kebolehan ore [orang] yang mepalu muzik, mace [macam] ore [orang] palu banibu [rebana ubi ibu], bananok [rebana ubi anak], buah rambai [marakas], cane [canang], ataih [atas] . masing-masing.

SNR : Adakah dikir barat hanya menggunakan alat-alat muzik tradisional ?

TKRS : Hok [yang] asal dio tradisional, hok asali dio [dia], banibu [rebana ubi ibu], bananok [rebana ubi anak], gong, cane [canang], C.A.N.E. gitu jah, buah rambai [marakas]. buat kocok, bunyi ‘kecek’, tamborin.

SNR : Adakah hanya enam jenis alat muzik ini digunakan untuk persembahan ?

TKRS : Berapa tu eney [enam] tu ? Kade-kade ore bubuh [kadang-kadang orang tambah] lagi, ado lagi ore [orang] bubuh kese [kesi]. K.E.S.E. kese [kesi] ni hok [yang] guna besi tu , hok [yang] ‘preng preng preng’ tu, ha bising ‘krung krung krung’, dale pertandinge [dalam pertandingan] takdak la, pertandingan lima ja, tu hok [yang] dikir pade [padang], dikir rumah-rumah, persembaha [persembahan], majlis-majlis, guna serunai ha. Pertandingan takdak tu, penaja tak benar tu.

SNR : Dalam pertandingan dikir barat, adakah menjadi syarat untuk menggunakan lima jenis alat muzik ini sahaja ?

- TKRS : Lima tu ja, banibu [rebana ubi ibu], bananok [rebana ubi anak], gong, buah rambai [marakas], cane [canang], tu jah dale [dalam] pertandingan, samada peringkat kebangsaan, daerah atau peringkat negeri.
- SNR : Mengapakah dihadkan penggunaan alat muzik dalam pertandingan dikir barat ?
- TKRS : Pertama sekali dio [dia] bising. Yang kedua untuk mengekalkan budaya seni.
- SNR : Adakah ayah Kob boleh bermain semua jenis alat muzik ini ?
- TKRS : Boleh. ayah Kob boleh main, pandai dok [tak]. Ayah Kob royak [beritahu] ayah Kob boleh main tu, pandai dok, cuma kata ayah Kob, nak suh sedap pada ore [orang] yang sedap, tak sedap la, gitu. Nak lawey [lawan] ore hok [orang yang] sohor-sohor [terkenal] tu tak sedap la palue [paluan] ni, tapi bulih [boleh].
- SNR : Apakah jenis muzik atau irama muzik yang dimainkan ?
- TKRS : Ada. Paluan muzik ni, berpandu kepada irama yang ore [orang] nak buat persembahe [persembahan], mace [macam] contoh ayah Kob nak nyanyi satu lagu bunyi irama mambo. Mambo ni dia ada dua jenis, mambo cepat mambo *slow* [perlahan] (bunyi notifikasi). Yang kedua lagu dangdut, dangdut ni pun ada dua juga, cepat dan *slow* [perlahan], atas irama la, atas melodi yang ayah Kob nok [nak] menyanyi dan ore lain pun lagutu [seperti itu] la, sapa-sapa [siapa-siapa] nyanyi pun lagu tu la. Ketiga, irama padang pasir . Irama Arab la contohnya, ‘ya rabbi ya rabbi’ ‘Allahuakbar, Allahuakbar, Allah Allahuakbar’. Dia mempunyai pelbagai irama, mace [macam] lagu hinduste [hindustan], lagu siye [siam], dikir barat boleh masuk bermace-mace [bermacam-macam] lagu, bermace-mace irama. Bukan semata-mata lagu Kelate [Kelantan].

SNR : Dalam pertandingan, apakah kategori yang akan dipertandingkan ?

TKRS : Kategori tukang karut terbaik, juara terbaik pun mace [macam] tu jugok [jugak], mace [macam] serupa tukang karut buat tadi, bermula dia berjuara [berdikir] sampe [sampai] habis, tak dak cacat cela dan tidak lari pada tema, baru boleh dapat anugerah juara terbaik, ni kito [kita] sedap tukang karut dok. Serupo [sama] ayah Kob hok [yang] mengarut ni sedap , belako [semua] nu [tu] berkoca [berselerak], sedap habis reng [tenaga] doh [dah] ni. Ha tak bulih [boleh] la, kito nak jadi gelaran tukang karut terbaik maknanya kita kena bawak diri kito [kita] terbaik dan kita kena bawak awok-awok [kumpulan] terbaik, baru dapat gelaran anugerah tukang karut terbaik atau juara terbaik. Juri akan nilai dua pasukan yang terakhir pada male [malam] tu. Juri nilai dari peringkat pusinge [pusingan] lagi (bunyi burung) sampai ke suku akhir. Misal kata contohnya UiTM [Universiti Teknologi Mara] buat pertandingan dikir barat, peserta semua kumpulan dua puluh pasukan, bermula pada hari pertama buat persembaha [persembahan], situ lagi juri nilai dah, dua puluh pasukan, juri nak ambil dua akhir.

SNR : Berapakah pasukan yang akan ke pusingan akhir ?

TKRS : Dua pasukan akhir. Hat [yang] tu dia panggil kalah mati, dapat nombot [nombor] 1 johe [johan] , nombot [nombor] dua [2] naib johe [johan], ada juga (bunyi burung) semasa akhir dia buat empat pasuke [pasukan] akhir. Empat pasuke [pasukan] ini juri dan ketua juri akan membuat keputuse [keputusan] pemarkahan siapa yang tinggi. Bermakna siapa yang lebih baik.

SNR : Apakah faktor yang diambil kira untuk menentukan samada dua pasukan atau empat pasukan akan ke pusingan akhir ?

- TKRS : Tu atas penaja. Jika penaja hendak masukkan empat pasukan ke peringkat akhir, juri akan nilai dengan pemarkahan. Jika penaja hendak masukkan dua pasukan ke peringkat akhir, juri akan nilai yang terbaik sahaja.
- SNR : Bagaimanakah tarian diambil kira dalam persembahan ?
- TKRS : Keserasian. Keserasian awok-awok [kumpulan] tarian. Ada setengah tu gini, ada setengah gi atas, tak jadi, dia panggei [panggil] tak dak keserasian la tu, kena sama la, kalau gini (sambil menunjukkan tarian), gini belako [semua].
- SNR : Apakah dikir barat ini mempunyai jenis tarian atau nama tarian ?
- TKRS : Seorang guru tari. Kita panggil seorang guru, bayar dia la, untuk ngajar kita pasal tari la, baru comei [cantik].
- SNR : Tarian ini, ada jenis-jenis tarian kah?
- TKRS : Ia mace-mace [ia bermacam-macam].
- SNR : Kalau contoh kita tengok ke atas ke kiri , itu semua ada nama-nama?
- TKRS : Tak ada, dia panggil tarian dikir barat je. Tak ada namo [nama]. Ada satu hok [yang] 'riau - riau' (menunjukkan tarian). Ado setengah hok gini [yang begini] ada juga (menunjukkan tarian) mace-mace [macam-macam]. Dia tu dipanggil tarian la, takda namo [tiada nama]. Katakan ini tarian naga, ni tarian burung. Takda.
- SNR : Adakah tepukan yang dilakukan oleh awok-awok tersebut merupakan tarian dalam dikir barat ?

- TKRS : Hok [yang] tu dia panggil meliputi seni dikir barat, darah seni. Dia nak kena samo [sama] tepuk (menepuk tangan). Kalu kita tepuk ada sore [seorang] lagi lewat, pening sudah.
- SNR : Adakah tarian dalam dikir barat mengikut tema persembahan ?
- TKRS : Dia bukan ikut tema (ketawa), dia ikut irama. Tema-- kalau contoh tema, dia beri contoh tema (berfikir) pendidikan. Hok [yang] kito takleh nok [nak] buat tari pendidikan, .mano ore [orang] tau. Tok juara letok [letak] tu iramanya lagu mano [macam mana] iramanyo-- bunyi nampok boleh [boleh] macam mengulitkan (menggerak tangan)..hah macam mengulitkan. Irama-- tarinya macam tu. Kalau irama tu rancok [rancak]. Tu mengikut pada irama. Tarian mengikut pada irama atau pun melodi gitu la.
- SNR : Berapakah masa yang perlu diambil oleh sesebuah kumpulan untuk berlatih bagi satu persembahan ?
- TKRS : Dia kumpulan ni, biar panggil ataih [atas] rajin malas (ketawa). Tu ataih [atas] rajin malas sebenarnya, usaha tidak berusaha
- SNR : Jika ayah Kob sendiri yang melakukan persembahan, berapa kali latihan yang akan ayah Kob perlukan?
- TKRS : Dia berpandu kepada jarak mase [masa]. Contoh dia beri mase [masa] sebulan, sebulan kito ado [kita ada] pertandingan. Kito ado [kita ado] masuk pertandingan sebulan jarak diberi mase [masa]. Dalam sebulan tu, kito [kita] buat seminggu dua kali latihan atas kito [kita]. Kalau nak buat seminggu tiga kali, takpo [tidak mengapa]. Kalau jarak dekat, tiap - tiap male [malam] berlatih. Hari ni hari Sabtu, Ahad male [malam] depan ni kita nak bertanding. Berlatih malam ni, berlatih



malam esok. Berlatih nak suruh apa kito [kita] panggil, keserasian tu! Tu dia atas kito [kita], rajin male [malas].

SNR : Apakah yang paling diutamakan dalam latihan dikir barat?

TKRS : Dia nak keserasian semua sama ada tukang karut, tok juara, alat - alat muzik dan kumpulan-- samo [sama]. Masa berlatih pun, berlatih pada tema. Takkan nak berlatih lain.

SNR : Adakah setiap persembahan akan menggunakan lagu baru atau lagu yang sedia ada ?

TKRS : Ada. Lagu baru ada, tidak amik [ambil] lagu lamo [lama]. Tidak semestinya. Dia penaja pun tiada had. 'Mu nak lagu ni..', takde. Dia lagu atas kita minat, lagu baru. Kalau boleh nak lagu baru, takkan nak main 'Kayo sungguh negeri Kelantan..' sokmo [selalu] (ketawa).

SNR : Adakah ayah Kob mempunyai kumpulan dikir barat sendiri ?

TKRS : Ada. Nama kumpulan ayah Kob, Pelita Kabat. Mase ayah Kob budak-budak dulu, dulu pelita kabat ni ore [orang]—ayah, ayah Kob, mak ayah Kob dan orang - orang lain, dia buat letak di dahi ni untuk buat menoreh. Dia ado [ada] ubat kabat, dia ada macam besar ni. Dia panjang lebih kurang ni, letak di pinggang ni. Ubat kabat tu, tahu ubat kabat? Dia bubuh ubat kabat, bubuh pada ada air bawa tu, dia bukan campur sekali. Pahtu [kemudian] dia cucuk di depan tu, ada piring bulat macam ni (menunjukkan piring cawan). Bulat leper gitu, dia ada tubik [keluar] suhu macam pelita. Pelita tubik [keluar] suhu sini, cucuk sini, dia buka sini, letak dahi (menggayakan pelita kabat). Dia panggil pelita kabat, tu dia tu bubuh nama pelita kabat. Kumpulan Pelita Kabat Saring, Pasir Puteh. Orang lain kalau macam Saring

ni cakap, kumpulan Seri Saring. Dak [tidak] ayah Kob, tapi bukan ayah Kob yang bubuh [letak] namo ni.

SNR : Siapakah yang memberikan nama kumpulan ayah Kob?

TKRS : Budak - budak kumpulan yang bubuh [letak], bukan ayah Kob bubuh [letak]. Tok juara, anak ayah Kob sendiri. Nama Tuan Aizat.

SNR : Berapakah umur Tuan Aizat ?

TKRS : Tiga puluh [30 tahun]. Hok [yang] ni anak dia ni (memperkenalkan cucunya).

SNR : Sejak umur berapakah Tuan Aizat ketika mula menyertai dikir barat ?

TKRS : Kecil lagi, sekolah rasanya lagi. Dalam masa sekolah tu, dia dah berdikir dah. Ada dah dia masuk pertandingan dikir barat.

SNR : Apakah yang mendorong Tuan Aizat turut menyertai dikir barat bersama ayah Kob?

TKRS : Dak [tidak], dia yang nak. Dia yang minat, bukan dipaksa.

SNR : Adakah Tuan Aizat belajar dikir barat daripada ayah Kob sendiri ?

TKRS : Ayah Kob ajarlah. Ayah Kob tak beri dia belajar lain. Biarla orang lain hebat pun, ayah Kob nak latih anak-anak ayah Kob. Ayah Kob tak hebat, takpe la (ketawa).

SNR : Berapakah ahli kumpulan ayah Kob ?

- TKRS : Dua puluh [20] termasuk tok juara tu.
- SNR : Setiap kali persembahan , adakah semua ahli kumpulan akan terlibat ?
- TKRS : Ada jugok [juga] yang boleh gi [pergi], ada yang takleh gi [pergi].
- SNR : Adakah ditetapkan untuk mempunyai beberapa ahli untuk membuat persembahan dikir barat ?
- TKRS : Tak tetap kecuali pertandingan. Pertandingan wajib. Kalau persembahan, tak wajib. Takpe tak cukup dua puluh [20 orang] pun. Pahe dak [faham tidak]? Maknanya kalau pertandingan wajib. Kalau dia dua puluh lebih tak boleh, kure [kurang] takpo [tidak apa] (bunyi motosikal).
- SNR : Berapakah had umur untuk menyertai kumpulan dikir barat ?
- TKRS : Dia kadang - kadang atas pertandinge [pertandingan], mesti dia nak had umur. Persembahan ni umur ene puluh [60 tahun pun buat persembahan]. Tak kisah, campur je. Ada hok [yang] belas, ada tiga puluh [30 tahun] ada, empat puluh, mace-mace [macam - macam].
- SNR : Berapakah umur yang paling muda menyertai kumpulan dikir barat ?
- TKRS : Yang paling muda lebih kure [kurang] dalam umur dua puluh sembilan [29 tahun].
- SNR : Berapakah umur yang paling tua menyertai kumpulan dikir barat ?

- TKRS : Ayah Kob la, ene puluh tujuh [67 tahun] (ketawa). Lepas bawah ayah Kob, umur tiga puluh [30 tahun], empat puluh [40 tahun] ada. Pasal [sebab] dia bawah paling muda dua puluh sembilan [29 tahun].
- SNR : Apakah kenangan yang ayah Kob tidak dapat lupakan ketika berlatih dikir barat ?
- TKRS : Ada, orang tak kaba [tak sedar]. Menjerit ketika ayah Kob membuat persembahan.
- SNR : Adakah ayah Kob mempunyai suatu tempat khas untuk membuat latihan dikir barat ?
- TKRS : Ada. Tempat di rumah ayah Kob sendiri. Di garaj tu (menunjukkan garaj) Hah, ni anak (cucu ayah Kob) dia la (isteri mencelah, perbualan bersama isteri).
- SNR : Adakah ahli kumpulan ayah Kob daripada kampung ayah Kob juga?
- TKRS : Kampung sini, semua daripada kampung.
- SNR : Bagaimanakah penerimaan orang kampung terhadap seni dikir barat ini?
- TKRS : Ada sambutan.
- SNR : Apakah pertandingan yang ayah Kob pernah menyertai ?
- TKRS : Pertandingan ayah Kob pernah masuk semasa belia dulu. Semasa umur ayah Kob tiga puluh [30 tahun] tu.
- SNR : Dimanakah pertandingan yang ayah Kob sertai ?

TKRS : Hah dekat Kelantan, pertandingan peringkat belia seluruh Kelantan. Masa ayah Kob umur tiga puluh [30 tahun], tiga puluh satu [31 tahun], tiga puluh dua [32 tahun] tu dekat hok [yang] belia tu seluruh Kelantan setelah ayah Kob dapat-- (berfikir) banyak dapat anugerah la. Hah, jadi satu [1] tahun tu dalam tahun sembilan puluh ene [1996-an], jumpo [menyertai] peringkat kebangsaan. Jadi ayah Kob masuk pertandingan bersama dengan kumpulan--. Bersama kumpulan Sri Pulung, Sri Pulung kumpulan Krai Kota Bharu. Tok juara, arwah Saraji.

SNR : Apakah perbezaan antara tok juara dan tukang karut ?

TKRS : Berbeza dari segi irama.

SNR : Adakah dalam sebuah persembahan akan mempunyai dua orang yang akan mengarut ?

